





[Experts](#)

Mengutamakan Kesejahteraan Staf: Inisiatif Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan oleh Pejabat Naib Canselor

5 March 2025

Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan (KKP) amat penting untuk memastikan kesejahteraan pekerja, mencegah kemalangan, kecederaan, dan penyakit, serta mewujudkan persekitaran kerja yang selamat. Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan (OSHMO) bertanggungjawab untuk menguruskan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan

(Pindaan) 2022 (Akta A1648). Visi KKP UMPSA adalah untuk menjadikan universiti ini sebagai tempat kerja bebas kemalangan pekerjaan. Berlandaskan kepada misi untuk memperkasakan budaya keselamatan dan kesihatan melalui sistem pengurusan yang efisien, universiti akan terus memastikan pematuhan terhadap piawaian yang ditetapkan, meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga kerja, serta mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat, dan produktif. Melalui usaha ini juga, universiti berhasrat untuk memupuk budaya kerja yang berteraskan keselamatan sebagai keutamaan utama dan seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi secara menyeluruh.

Justeru, Pejabat Naib Canselor (PNC), UMPSA tidak ketinggalan turut sama bagi menjayakan KKP di peringkat jabatan. Keputusan Audit Penarafan KKP bagi tahun 2023 telah menunjukkan pencapaian cemerlang bagi PNC. PNC telah berjaya mencapai skor keseluruhan sebanyak 85.39 peratus dan mengekalkan penarafan 4 bintang. Lebih membanggakan, terdapat peningkatan skor sebanyak 2.71 peratus berbanding pencapaian sebelumnya. Menerusi skor ini, PNC berjaya tersenarai dalam kalangan 40 terbaik antara 32 pusat tanggungjawab (PTJ) di UMPSA bagi kategori Pejabat Pentadbiran.

Peningkatan ini turut mencerminkan usaha berterusan jabatan dalam memastikan tempat kerja yang selamat dan mematuhi piawaian keselamatan serta kesihatan pekerjaan. Ini merupakan hasil daripada kerjasama yang erat dalam kalangan staf yang terlibat secara langsung dalam proses audit tersebut. Sumbangan mereka adalah faktor penting dalam memastikan kesempurnaan dokumentasi, pelaksanaan dasar keselamatan, dan pematuhan terhadap semua kriteria yang dinilai dalam audit tersebut. Malah, keputusan ini juga menunjukkan kesinambungan prestasi tinggi, di mana PNC terus berusaha untuk mengekalkan kecemerlangan dalam Audit KKP pada tahun 2004 dengan menyasarkan sebanyak 87 peratus (4 bintang). Ternyata, secara keseluruhannya, pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan komitmen PNC terhadap KKP, tetapi juga menyerlahkan usaha mereka dalam memastikan tempat kerja yang kondusif serta selaras dengan dasar dan standard yang ditetapkan. Ini merupakan bukti jelas bahawa kerjasama dan dedikasi semua pihak adalah kunci kejayaan dalam meningkatkan prestasi jabatan.

Keutamaan kepada KKP bukan sahaja membantu mengurangkan risiko kemalangan tetapi juga memberi kesan positif kepada moral pekerja serta reputasi UMPSA. Berikut adalah beberapa perkara penting berkaitan KKP:



1. Penilaian risiko

Penilaian risiko merupakan langkah penting dalam memastikan keselamatan di tempat kerja. Proses ini melibatkan usaha mengenal pasti semua bahaya yang mungkin wujud dalam persekitaran kerja, sama ada yang bersifat fizikal seperti mesin berbahaya, kimia seperti bahan toksik, biologi seperti jangkitan penyakit, ergonomik seperti postur kerja yang tidak betul, atau psikososial seperti tekanan dan konflik kerja. Selepas mengenal pasti bahaya, penilaian risiko harus dijalankan secara berkala untuk memastikan sebarang perubahan dalam keadaan kerja tidak menambah risiko kepada pekerja. Strategi yang berkesan perlu dirangka dan dilaksanakan bagi mengurangkan pendedahan kepada bahaya ini, seperti penggunaan peralatan perlindungan peribadi, pelaksanaan protokol keselamatan yang ketat, dan pengubahsuaian persekitaran kerja. Melalui penilaian risiko yang teliti, majikan dapat mengurangkan potensi kemalangan dan memastikan kesejahteraan pekerja terjamin.

2. Budaya keselamatan di tempat kerja

Budaya keselamatan di tempat kerja adalah elemen asas yang sering diterapkan di dalam UMPSA bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan pekerja. Ia merangkumi usaha untuk menggalakkan semua warga kerja memberi keutamaan kepada protokol keselamatan dalam setiap aspek tugas harian mereka. Dalam persekitaran yang mengutamakan budaya keselamatan, pekerja digalakkan untuk melaporkan sebarang kebimbangan berkaitan bahaya atau amalan tidak selamat tanpa rasa takut akan tindakan balas. Selain itu, latihan dan pendidikan mengenai prosedur keselamatan serta protokol kecemasan harus dilaksanakan secara konsisten untuk semua pekerja, tanpa mengira jawatan atau pengalaman mereka. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan pekerja mengenai keselamatan tetapi juga membina keyakinan mereka untuk bertindak dengan betul sekiranya berlaku situasi kecemasan. Dengan memperkukuhkan budaya keselamatan, UMPSA dapat mencipta persekitaran kerja yang lebih selamat, produktif, dan harmoni untuk

warganya.



3. Penggunaan Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE)

Penggunaan PPE adalah langkah penting dalam memastikan keselamatan pekerja di tempat kerja, terutama dalam persekitaran yang terdedah kepada pelbagai risiko. Pihak UMPSA juga bertanggungjawab untuk menyediakan PPE yang sesuai berdasarkan jenis tugas yang dijalankan serta potensi bahaya yang mungkin dihadapi oleh pekerja. Sebagai contohnya, penggunaan topi keledar untuk melindungi kepala, sarung tangan untuk melindungi tangan daripada bahan kimia atau kecederaan fizikal, cermin mata keselamatan untuk melindungi mata daripada serpihan atau bahan berbahaya, dan pelitup muka untuk melindungi pernafasan daripada debu atau gas toksik. Selain penyediaan peralatan, latihan mengenai penggunaan dan penyelenggaraan PPE yang betul, perlu diberikan kepada semua pekerja. Latihan ini adalah bagi memastikan pekerja memahami cara menggunakan PPE dengan efektif, seperti memakai peralatan dengan betul, mengetahui had penggunaannya, serta cara membersihkan dan menyimpannya untuk memastikan keberkesanannya kekal terjamin. Dengan langkah-langkah ini, organisasi dapat mengurangkan risiko kecederaan atau pendedahan kepada bahaya, sekali gus memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja sentiasa menjadi keutamaan.

4. Ergonomik

Reka bentuk tempat kerja yang ergonomik memainkan peranan penting dalam mencegah kecederaan dan meningkatkan kesejahteraan pekerja. Tempat kerja harus direka bentuk secara strategik untuk mengurangkan risiko kecederaan yang berkaitan dengan pergerakan berulang atau postur yang tidak baik. Sebagai contoh, penggunaan meja dan kerusi yang boleh dilaraskan ketinggiannya atau peralatan yang direka untuk mengurangkan tekanan fizikal dapat meningkatkan

keselesaan dan produktiviti pekerja. Selain itu, majikan digalakkan untuk mempromosikan waktu rehat yang mencukupi dan mengajar teknik mengangkat barang yang selamat bagi mengurangkan ketegangan fizikal dan risiko kecederaan.

5. Program Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja

Program KKP di tempat kerja adalah penting untuk mempromosikan kesihatan mental dan mengurangkan tekanan kerja. Majikan boleh melaksanakan program kesejahteraan yang menyediakan sokongan psikologi, bengkel pengurusan tekanan, dan kemudahan rekreasi untuk pekerja. Selain itu, galakan terhadap aktiviti kecergasan fizikal seperti senaman berkumpulan atau pemberian insentif untuk gaya hidup sihat dapat meningkatkan kesihatan keseluruhan pekerja. Program-program ini bukan sahaja membantu mengurangkan risiko kecederaan, malah meningkatkan semangat dan produktiviti pekerja.

6. Pematuhan dengan Peraturan Undang-undang

Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan KKP adalah keutamaan bagi setiap organisasi. Undang-undang seperti OSHA di Amerika Syarikat atau badan setara di negara lain menyediakan garis panduan untuk memastikan keselamatan pekerja di tempat kerja. Selain mematuhi peraturan ini, majikan juga perlu memastikan dokumentasi yang lengkap dan menjalankan pemeriksaan, laporan, serta audit secara berkala untuk memastikan standard keselamatan sentiasa dipatuhi. Tindakan ini bukan sahaja melindungi pekerja, tetapi juga melindungi organisasi daripada implikasi undang-undang.



7. Persediaan Kecemasan

Persediaan kecemasan adalah aspek kritikal dalam pengurusan keselamatan di tempat kerja.

Majikan perlu merancang dan mengemas kini pelan tindak balas kecemasan secara berkala untuk menangani situasi seperti kebakaran, tumpahan bahan kimia, atau bencana alam. Pelan ini harus jelas dan mudah difahami oleh semua pekerja. Selain itu juga, latihan kecemasan yang dijalankan secara berkala dapat memastikan pekerja tahu apa yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kecemasan. Langkah-langkah ini membantu mengurangkan kekeliruan dan potensi kecederaan semasa situasi kecemasan berlaku.

8. Pelaporan dan Penyiasatan Insiden

Pelaporan dan penyiasatan insiden adalah penting untuk memastikan keselamatan berterusan di tempat kerja. Pekerja harus digalakkan melaporkan sebarang kemalangan, kejadian hampir berlaku, atau amalan tidak selamat tanpa rasa takut akan tindakan balas. Majikan pula perlu menyiasat setiap insiden dengan teliti untuk memahami punca utama kejadian dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah kejadian serupa daripada berulang pada masa hadapan. Proses ini bukan sahaja meningkatkan keselamatan, tetapi juga menunjukkan komitmen organisasi terhadap kesejahteraan pekerja.

9. Pertimbangan Kesihatan Mental

Kesihatan mental pekerja perlu diberi perhatian yang setara dan serius dengan keselamatan fizikal. Majikan perlu menangani aspek psikososial pekerjaan seperti pengurusan tekanan, keseimbangan beban kerja, dan pencegahan keletihan. Sumber seperti kaunseling atau perkhidmatan sokongan harus disediakan untuk pekerja yang menghadapi tekanan kerja atau isu kesihatan mental. Pendekatan ini bukan sahaja membantu pekerja menangani cabaran mereka tetapi juga mewujudkan persekitaran kerja yang lebih inklusif dan positif.

10. Penambahbaikan Berterusan

Kesihatan dan keselamatan pekerjaan adalah proses yang memerlukan penambahbaikan berterusan. Polisi dan amalan OHS perlu dikaji secara berkala untuk menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran kerja, teknologi, dan peraturan yang baru. Dengan mengekalkan semangat inovasi dan penyesuaian, organisasi dapat memastikan standard keselamatan mereka kekal relevan dan berkesan dalam melindungi pekerja mereka. Melalui pendekatan ini, kesejahteraan pekerja dan produktiviti organisasi dapat ditingkatkan secara serentak.

Kesimpulannya, dengan melaksanakan langkah-langkah ini, majikan bukan sahaja dapat mengurangkan risiko kecederaan di tempat kerja tetapi juga dapat memacu produktiviti dan membina budaya kerja yang harmoni serta selamat. Persekitaran kerja yang mengutamakan kesihatan dan keselamatan pekerja adalah asas kepada kejayaan organisasi.

Penulis adalah Ketua Pejabat Naib Canselor (PNC), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).



Oleh : MUHAMAD FAISAL MOHD YASIN, PEJABAT NAIB CANSELOR
e-mel : faisalmy@umpisa.edu.my

• 332 views

[View PDF](#)